

7 MAR 1996

Perodua

PERODUA AMBIL LANGKAH KELUARKAN SENDIRI ENJIN 660 CC DAN 850 CC

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) telah mengambiol langkah untuk membuat enjin 660 cc dan 850 cc bagi kereta kancil dan Rusa yang diperkenalkan hari ini.

Pengerusi Perodua, Raja Tun Mohar Raja Badiozaman, berkata ini adalah antara syarat yang ditetapkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa meluluskan pengeluaran van nasional negara yang pertama, Perodua Rusa.

Ketika berucap pada majlis pelancaran Perodua Rusa di sini malam ini, beliau berkata rekabentuk Perodua Rusa juga lebih menarik daripada bentuk asalnya yang dikemukakan oleh Daihatsu Jepun, iaitu rakan teknikal Perodua.

Pelancaran ketiga-tiga model kenderaan serbaguna nasional itu dilakukan oleh Dr Mahathir pada majlis yang disajikan dengan pertunjukan laser di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunbia Putra, di sini.

Raja Mohar berkata setelah beberapa pindaan disyorkan oleh Dr Mahathir, Daihatsu sendiri mengakui pindaan yang disyorkan itu mencantikkan lagi reka bentuk ketiga-tiga model berkenaan.

Beliau juga berkata Perodua menerima sebanyak 3,000 tempahan bagi kenderaan serbagunanya sehingga tempahan ditutup petang ini.

Katanya, 80 peratus daripada tempahan itu ialah untuk model Deluxe tujuh tempat duduk dan pihak Perodua yakin sambutan terhadap kenderaan terbarunya bagi ketiga-tiga model itu akan meningkat selepas pelancarannya.

Katanya, harga kenderaan jenis Deluxe tujuh tempat duduk berharga antara RM39,000, standard lima tempat duduk RM34,343 dan model tertutup RM30,500.

Menurutnya, Perodua Rusa menawarkan beberapa ciri unik dan mempunyai kuasa enjin 1,300 cc serta bentuk yang aerodinamik dan moden sejajar kehendak pasaran masa kini. -- BERNAMA.

ARA FAZ